



قجابت بسر
مجلس دائره تڠكق

PEJABAT BESAR,
MAJLIS DAERAH TANGKAK
84900 Tangkak, Johor

Telefon : 06 - 978 1261 / 978 2226
No. Faks : 06 - 978 2670 / 978 5741
Emel : mdtgk@johor.gov.my
Laman Sesawang : <http://www.mdtangkak.gov.my>

Sila nyatakan rujukan kami apabila menjawab

Di Letakkan di papan notis pada : 13.08.2023

**KENYATAAN TAWARAN
(KHAS UNTUK BUMIPUTERA)**

1. Sebutharga adalah dipelawa daripada Kontraktor yang berdaftar di Majlis Daerah Tangkak, serta memiliki Sijil-sijil di bawah Sistem Satu Pendaftaran Kontraktor (SSPK) iaitu Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (SSPK) oleh CIDB, Sijil Perakuan Kerja Kerajaan (SPKK) oleh CIDB, Sijil Suruhanjaya Tenaga, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Sijil Taraf Bumiputera (STB) oleh PKK dalam Gred dan Kategori dan telah dibuat pendaftaran dengan JCCD yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja-kerja sebagaimana berikut:-

Bil Sebutharga	Butiran Tawaran / Tajuk Kerja	Gred	Kategori / Pengkhurusan	Harga (RM)
MDT.17-1/ 17/ 2023/ PROJEK	Kerja-Kerja Menaiktaraf 'Hoarding' Pelancongan Daerah Tangkak Di Sepanjang Jalan Dataran 2 Bersebelahan Ibu Pejabat Balai Polis Tangkak Dan Lain-Lain Kerja Berkaitan	G1	CE : CE21	RM 30.00

2. Dokumen sebutharga akan dijual mulai daripada 13hb Ogos 2023 (Ahad) sehingga 24hb Ogos 2023 (Khamis) dari 8.00 pagi hingga 4.00 petang (semasa waktu pejabat) di Jabatan Khidmat Pengurusan, Pejabat Besar Majlis Daerah Tangkak, 84900 Tangkak, Johor. Bayaran bagi dokumen sebutharga hendaklah dibuat dalam bentuk draf bank daripada bank yang berlesen dan beroperasi di Malaysia atau kiriman wang pos (money order) atau wang kiriman pos berpaling (postal order), dan dibayar atas nama Ketua Agensi berkenaan. Bagi Jabatan Mengakaun Sendiri, bayaran boleh juga dibuat kepada Ketua Akauntan Jabatan berkenaan. Wang Tunai atau cek tidak boleh diterima selaras dengan ketetapan 1PP-PK2 perenggan 8(iii) (e)(5).
3. Hanya **SEORANG** penyebutharga sahaja dibenarkan menjalankan urusan pembelian dokumen sebutharga. Hanya **PEMILIK ASAL** sahaja dibenarkan menjalankan urusan pembelian dokumen sebutharga. Hanya penyebutharga yang mengikut syarat di atas dibenarkan menjalankan urusan pembelian dokumen sebutharga.

"BERUSAHA UNTUK MAKMUR"
"TANGKAK BERSIH, SEJAHTERA DAN LESTARI"

4. Setiap penyebutharga juga hendaklah hadir dengan membawa bersama salinan lesen Sistem Satu Pendaftaran Kontraktor (SSPK) iaitu Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (SSPK) oleh CIDB, Sijil Perakuan Kerja Kerajaan (SPKK) oleh CIDB, Sijil Suruhanjaya Tenaga, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Sijil Taraf Bumiputera (STB) oleh PKK yang telah DISAHKAN bagi tujuan rekod di Pejabat Majlis Daerah Tangkak.
5. Bagi penyebutharga kelas G2 ke atas adalah DIINGATKAN supaya mengemukakan salinan seperti berikut :
 - i. SALINAN LESEN YANG BERKAITAN
 - ii. SALINAN PENYATA BANK SYARIKAT BAGI 3 BULAN TERAKHIR YANG DISAHKAN OLEH PIHAK BANK
 - iii. SENARAI PENGALAMAN KERJA BAGI PROJEK-PROJEK KERAJAAN TERUTAMANYA BAGI KERJA-KERJA YANG BERKAITAN DALAM TAHUN SEMASA DAN TAHUN 2022
6. Semua Dokumen Tawaran yang telah dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di Jabatan Khidmat Pengurusan dan juga dibenarkan menghantar secara kurier di Majlis Daerah Tangkak sebelum jam 12.00 tengahari pada 24hb Ogos 2023 (Khamis)
7. Majlis Daerah Tangkak tidak terikat samada menerima sebutharga terendah harganya atau sebarang tawaran.



(YM UNGKU MOHD ZAFFRIN BIN UNGKU MOHD ZAMAN)
Yang Dipertua,
Majlis Daerah Tangkak,
Tangkak.

Tawaran iklan ini dipamerkan di dalam Laman Web Rasmi Majlis Daerah Tangkak
www.mdtangkak.com.my